

HAK PENJAGAAN ANAK (HADHANAH): IMPLIKASI PEMELUKAN ISLAM DALAM PERKAHWINAN SIVIL



Oleh: Noorsaliza Amin Nudin (noorsaliza9648@uitm.edu.my) &
Nor Laila Ahmad (norlailaahmad@uitm.edu.my)

Pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak iaitu suami atau isteri daripada perkahwinan sivil menimbulkan banyak implikasi perundangan antaranya ialah pembubaran perkahwinan, isu penjagaan anak dan juga penentuan agama anak serta pembahagian harta perkahwinan. Namun, hak penjagaan anak atau tuntutan hadhanah kerap kali menjadi isu perdebatan hebat apabila salah seorang pasangan dari perkahwinan sivil yang didaftarkan di bawah **Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976** memeluk agama Islam.

DEFINISI HADHANAH


Hadhanah atau hak penjagaan anak bermaksud tugas menjaga, memelihara, mengasuh dan mendidik anak sejak lahir sehingga dia mampu menjaga dan mengatur dirinya sendiri.





PEMBUBARAN PERKAHWINAN SIVIL SETELAH PEMELUKAN ISLAM

Pemelukan agama Islam oleh salah seorang pasangan suami isteri menjadi asas kepada pembubaran sesuatu perkahwinan. Namun, isu pembubaran perkahwinan sivil setelah pasangan suami atau isteri memeluk Islam telah menimbulkan kemelut antara bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Walau bagaimanapun, isu ini telah dapat diselesaikan melalui pindaan **Seksyen 51 Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976** (selepas ini disebut **Akta 164**) pada tahun 2017 yang memberikan hak kepada pihak yang memeluk agama Islam untuk membuat petisyen perceraian di Mahkamah Sivil dan sekaligus memberikan keadilan kepada kedua-dua belah pihak.



Pembubaran perkahwinan terjadi apabila salah seorang pasangan sama ada suami atau isteri daripada perkahwinan sivil memeluk Islam. **Seksyen 51(1) Akta 164** memperuntukkan bahawa jika satu pihak kepada sesuatu perkahwinan telah masuk Islam maka salah satu pihak boleh mempetisyen untuk perceraian di bawah seksyen ini atau **Seksyen 53**; atau kedua-dua pihak boleh mempetisyen untuk perceraian di bawah **Seksyen 52**.

Merujuk kepada peruntukan tersebut, **Seksyen 51 Akta 164** membolehkan pasangan yang memeluk agama Islam atau tidak memeluk Islam untuk mengemukakan petisyen selepas tiga bulan dari tempoh pemelukan Islam.

Kesan pindaan pada tahun 2017 tersebut selain dapat memberikan hak kepada kedua-dua belah pihak memfailkan petisyen perceraian perkahwinan sivil mereka di Mahkamah Sivil, ia sekaligus dapat menyelesaikan isu berkaitan penentuan hak jagaan anak.

HAK PENJAGAAN ANAK (HADHANAH) SETELAH SALAH SATU PASANGAN MEMELUK ISLAM MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM

Akta 164 mengiktiraf pemeluk agama Islam sebagai asas kepada perceraian perkahwinan sivil, namun siapakah yang berhak ke atas hak penjagaan kanak-kanak tersebut?

Satu hadis yang diriwayatkan oleh Abdul Hamid bin Jaafar yang meriwayatkan bahawa Ibn Sinan telah memeluk agama Islam tetapi isterinya enggan mengikut jejak langkahnya lalu mereka pergi berjumpa dengan Rasulullah SAW. Baginda berkata kepada mereka: "Panggil anak perempuan itu". Kanak-kanak perempuan itu cenderung kepada ibunya. Rasulullah SAW berkata: "Ya Allah. Pandulah anak perempuan". Anak perempuan itu kemudian cenderung kepada bapanya dan bapanya mengambilnya.

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW tidak mengatakan bahawa pihak yang tidak memeluk Islam tidak berhak terhadap hak penjagaan anak, namun Rasulullah SAW lebih cenderung anak itu tinggal bersama dengan bapanya yang memeluk Islam kerana bimbang dari segi aspek akidah anaknya, sekiranya dipengaruhi oleh emaknya yang bukan Islam.

Menurut **mazhab Shafi'e dan Hanbali**, penjaga kanak-kanak hendaklah beragama Islam. Sekiranya tidak, gugurlah haknya. Hal ini adalah kerana dikuatiri sekiranya hak penjagaan anak yang masih belum cukup umur diberikan kepada penjaga bukan Islam, ia akan mempengaruhi kepercayaan anak itu dan tidak dibesarkan mengikut ajaran Islam.

Undang-undang keluarga Islam Malaysia juga menitikberatkan perkara ini, sebagai contoh **Seksyen 83 Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003** menetapkan hanya pihak yang beragama Islam sahaja yang berhak menjadi penjaga kanak-kanak. Walau bagaimanapun, hak penjagaan kanak-kanak itu akan hilang sekiranya penjaganya murtad di bawah akta yang sama.

Manakala, mengikut **mazhab Hanafi dan Maliki**, syarat beragama Islam bukan menjadi syarat wajib untuk mendapat hak penjagaan anak. Pihak yang tidak memeluk agama Islam boleh mendapat hak penjagaan anak dengan syarat yang ketat seperti tidak mempengaruhi anak dengan agama lain seperti membawanya ke gereja, mengajar ajaran bukan Islam atau menyuruhnya minum minuman keras.



Oleh itu terdapat dua pandangan dalam hal penjagaan anak ini berdasarkan kepada hadis dan keempat-empat mazhab ini. Pandangan pertama daripada **mazhab Hanafi dan Maliki** bersetuju iaitu meletakkan agama ibu atau bapa bukanlah satu-satunya faktor penentuan hak penjagaan anak. Justeru, mahkamah dalam menentukan hak penjagaan anak hendaklah melihat kepada kebajikan anak tersebut. Sekiranya hak penjagaan diberikan kepada pasangan yang bukan beragama Islam maka menjadi tanggungjawab ibu atau bapa untuk menunjukkan imej yang baik mengikut Islam supaya dapat menarik kanak-kanak tersebut kepada agama Islam.

Pandangan kedua yang terdiri daripada pandangan **mazhab Syafi'e dan Hanbali** yang mensyaratkan ibu atau bapa yang memeluk Islam mempunyai hak penjagaan anak di mana pandangan ini nampaknya lebih relevan dan memberi manfaat kepada anak tersebut. Hak penjagaan anak kepada ibu atau bapa yang tidak memeluk agama Islam hendaklah dielakkan kerana peringkat usia anak yang sangat muda akan mudah terpengaruh sekiranya ajaran agama penjaga adalah bukan Islam.

Kajian Kes Indira Gandhi a/p Mutho v Patmanathan a/l Krishnan (2015) 7 MLJ 153

Indira Ghandi telah berkahwin dengan Patmanathan secara perkahwinan sivil pada tahun 1993. Di dalam kes ini, suami, Patmanathan telah memeluk agama Islam pada Mac 2009. Pada April 2009, Patmanathan telah memohon hak penjagaan sementara dari Mahkamah Syariah bagi ketiga-tiga anak mereka dan kemudiannya mendapat hak penjagaan penuh pada September 2009. Pada tahun 2010, Mahkamah Tinggi telah memutuskan hak penjagaan anak kepada Indira berpandukan **Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan** namun keputusan ini telah diketepikan oleh Mahkamah Rayuan pada 2013 dengan merujuk kepada **Perkara 121 (1A)** yang menetapkan bahawa isu penukaran agama kepada Islam adalah bidang kuasa Mahkamah Syariah.



Mahkamah Syariah telah memutuskan hak penjagaan ketiga-tiga anak tersebut kepada Patmanathan. Dengan ini, melihat kepada fakta penghakiman kes tersebut, dapat disimpulkan bahawa penghakiman kes ini lebih cenderung kepada pandangan dari **mazhab Shafi'e dan Hanbali**.

PENUTUP



Kesimpulannya, banyak isu yang timbul apabila salah seorang pasangan daripada perkahwinan sivil memeluk Islam, namun setelah pindaan **Akta 164** dilakukan pada tahun 2017, isu hak penjagaan anak dapat diselesaikan di Mahkamah Sivil. Walau bagaimanapun, dalam isu ini, Mahkamah Syariah pula lebih cenderung kepada pandangan dari **mazhab Syafi'e dan Hanbali**, iaitu demi menjaga kebajikan anak-anak, hak penjagaan (hadhanah) hendaklah diberikan kepada pasangan yang memeluk Islam.

RUJUKAN

Adil, M. A. M. (2014) Penentuan Agama dan Hak Penjagaan Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam. *Siri Wanita dan Isu*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. ISBN 978-983-042-539-9.

Ali, N. M., Hasan, Z., Subri, I. M., Baharuddin, A. S., Roslan, S. R. A. dan Shah, H. A. R. (2019). Penentuan Agama Kanak-Kanak Apabila Salah Seorang Ibu Bapa Memeluk Islam Menurut Perspektif Undang-Undang Dan Syariah: Kajian Kes Indira Gandhi A/P Mutho. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. eISSN: 2590-4396(Online), 7(2).

Huda, N. dan Jayusman. (2021). Perspektif Masalah Terhadap Pertimbangan Hakim Pada Putusan Perkara Nomor: 1376/Pdt.G/2019/Pa.Tnk Tentang Penetapan Hak Hadanah Kepada Ibu Kandung. *Ijtimaiyya: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*. eISSN: 2614-6215(Online), 14 (2), 249-276

Sukri, R. F., Kusrin, Z. M. dan Muda, M. Z. (2020). Implikasi Pindaan Akta 164 Terhadap Perkahwinan Dan Harta Pusaka Muallaf. *Journal of Contemporary Islamic Law*. e-ISSN: 0127-788X (Online), 5(1), 9-15.